

23 JUN 2001

Umno-Yusof

PAS BIMBANG HILANG SOKONGAN BUKAN ISLAM JIKA NYATA MODEL NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- PAS tidak menjelaskan model negara Islam yang mahu dibentuknya kerana bimbang akan kehilangan sokongan orang bukan Islam, kata bekas ketua penerangan Umno Datuk Dr Yusof Noor.

Beliau berkata kenyataan Timbalan Presiden PAS Haji Hadi Awang yang hanya akan menjelaskan mengenai model negara Islam pilihannya selepas berkuasa memerintah Malaysia adalah ganjil.

"Ini ganjil, bagaimana orang boleh percaya dengan konsep negara Islam itu kalau dia tak jelaskan. Dia buat helah kerana yakin kalau dia nyatakan konsep itu sekarang ini, mereka akan hilang penyokong dari orang-orang bukan Islam," kata Dr Yusof kepada pemberita pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Haji Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu dilaporkan berkata parti itu tidak perlu mengemukakan apa-apa lagi tentang model negara Islam kerana ia telah dinyatakan secara bertulis kepada umum menerusi manifesto pilihanrayanya.

Hadi berkata demikian sebagai mengulas cabaran Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya PAS mengumumkan secara bertulis jenis kerajaan yang hendak didirikannya untuk membuktikan ia tidak berhasrat menipu orang-orang Cina.

Dr Yusof berkata tuduhan PAS bahawa Malaysia bukan negara Islam juga merupakan percaturan politik sempit parti itu kerana negara ini telah diiktiraf pada peringkat antarabangsa sebagai negara Islam.

"Mereka hanya mempertikaikannya (Malaysia sebagai negara Islam) kerana kita tidak menjalankan hukum Hudud," katanya.

Katanya, tidak melaksanakan hukum Hudud tidak bermakna Malaysia bukan sebuah negara Islam.

"Negara Islam, mengikut definisinya adalah sebuah negara yang tidak mengetepikan ajaran Islam, mengekalkan keamanan dan meletakkan garis pentadbiran yang tidak bercanggah dengan Islam," katanya.

-- BERNAMA

MHI AZZ MOZ